

05 AUG 2000

Sabah-Penggiliran (Fokus Berita)

MAMPUKAH BN SABAH CAPAI KATA SEPAKAT MENGENAI ISU PENGGILIRAN?

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 5 Ogos (Bernama) -- Apakah bentuk keputusan yang dapat dianggap sebagai muktamad dalam soal penggiliran jawatan ketua menteri di Sabah? Mansuh atau diteruskan?

Adakah sesuatu keputusan berhubung isu itu hanya dapat dianggap muktamad sekiranya sistem, yang sudah berusia enam tahun itu, dimansuhkan?

Persoalan ini dan beberapa isu lain, mungkin menjadi antara yang perlu dijawab ketika isu penggiliran jawatan ketua menteri di negeri ini kembali menjadi bahan perdebatan di kalangan mereka yang menyokong dan yang membantah sistem itu.

Perdebatan semula mengenai sistem yang unik ini bukanlah kerana sebelum ini tiada ketetapan yang dibuat mengenainya.

Sebaliknya keputusan-keputusan terdahulu -- yang meneruskan pelaksanaan sistem itu -- sering kali dianggap bukan sesuatu yang muktamad selagi ia tidak berakhir dengan pemansuhan sistem berkenaan.

Jika kira-kira dua tahun lepas, suara yang mahukan sistem itu dikaji semula tidak kedengaran, kini nampaknya medan perdebatan sudah terbuka luas dan sistem penggiliran itu pula seakan-akan sudah berubah menjadi sesuatu yang perlu segera dihindarkan.

Bukan menjadi satu rahsia lagi jika dikatakan bahawa di dalam kelompok parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sendiri sudah ada pihak yang bercanggah pendapat mengenai perkara ini.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam yang menyedari perkara ini berkata sambil semua pihak bebas menyuarakan pendapat mereka mengenai isu itu, mereka juga perlu mengutamakan konsep permuafakatan dalam BN.

"Kalau kita hanya menumpukan kepada pendapat satu-satu parti yang memang diketahui pendiriannya, maka ia mungkin boleh menimbulkan masalah dalam BN," kata Osu yang juga Pengerusi BN Sabah dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah.

Kompromi mungkin bukanlah kata-kata yang akan mewarnai jalan penyelesaian terhadap isu itu, sebaliknya seseorang mungkin diperlukan untuk membuat keputusan muktamad bagi pihak BN Sabah.

Mereka yang mahukan pemansuhan sistem itu berpendapat kebanyakan rakyat Sabah menolak sistem itu.

Dan oleh kerana majoriti rakyat tidak menyokong sistem yang dijanjikan kepada mereka, maka tindakan terbaik ialah dengan memansuhkannya.

Mereka yang menyokong sistem itu pula berbekalkan alasan bahawa ia adalah janji kepada rakyat dan diperbaharui lagi pada pilihan raya negeri pada Mac tahun lepas apabila penerusan sistem penggiliran itu dimasukkan sebagai satu daripada agenda dalam manifesto BN pada pilihan raya berkenaan.

"BN memenangi pilihan raya itu dan ini bermakna rakyat merestui manifesto yang dibawa oleh BN, termasuk janji untuk menggilirkan jawatan ketua menteri Sabah," kata seorang pemerhati politik tempatan.

Penyelesaian terbaik, menurut beliau, ialah dengan meneruskan sistem itu seperti biasa pada penggal sekarang dan kemudian tidak memasukkan janji penggiliran itu dalam manifesto apabila tiba pilihan raya negeri akan datang yang mesti diadakan pada pertengahan tahun 2004.

"Dengan cara itu pelaksanaan sistem ini tidak lagi merupakan satu janji yang mesti ditunaikan dan isu ini juga akan selesai dengan sendirinya," katanya.

Sistem itu dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelang pilihan raya negeri pada Februari 1994.

Ia bagi memberi peluang kepada pemimpin daripada tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- untuk menjadi Ketua Menteri secara bergilir-gilir, masing-masing untuk tempoh dua tahun.

BN tewas tipis pada pilihan raya 1994 tetapi berjaya membentuk kerajaan negeri ekoran kejatuhan kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) apabila sebahagian besar wakil rakyatnya meninggalkan parti itu.

Sebaik membentuk kerajaan negeri, sistem penggiliran itu bermula dengan Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri) menjadi ketua menteri pertama yang dilantik mengikut sistem berkenaan.

Datuk Salleh Tun Said kemudian dilantik ke jawatan itu apabila Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri. Pemimpin lain yang telah menjadi ketua menteri mengikut sistem penggiliran itu ialah Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Osu.

Jika sistem itu diteruskan, tempoh jawatan Osu ketika ini akan berakhir menjelang Mei tahun depan.

Ketika diminta mengulas mengenai sistem itu, Dr Mahathir yang berada di Sabah untuk lawatan rasmi tiga hari minggu lepas, berkata terpulang kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada mereka masih mahu sistem itu diteruskan atau sebaliknya.

"Setakat mana ia membabitkan saya, saya bersedia menerima hasrat rakyat Sabah," kata perdana menteri.

Walau apapun, keputusan mesti dilakukan dan gelanggang terbaik ialah melalui BN Sabah yang mesti mencapai kata sepakat berhubung isu itu.

-- BERNAMA

JS LAT